

## Terma dan Syarat

### DEFINISI

Dalam Terma dan Syarat ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain atau jika ia dinyatakan secara nyata, ungkapan berikut mempunyai makna yang diberikan kepada mereka, iaitu,

“AmMetLife”, “Kami”, “Syarikat” merujuk kepada AmMetLife Insurance Berhad (197301002252) dan merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam AmMetLife Insurance Berhad.

“Kempen” merujuk kepada “Kempen Ganjaran i.Am Wealth Achiever”

“Produk” merujuk kepada i.Am Wealth Achiever.

“Pelanggan” merujuk kepada individu yang membeli Produk.

“Ganjaran” merujuk kepada Bar Emas.

“Ganjaran Tambahan” merujuk kepada Ganjaran Tunai yang akan dikreditkan ke akaun bank Pelanggan kerana memilih Premium Pendahuluan.

### Tempoh Kempen

1. Kempen ini sah dari **1 November 2023 sehingga 31 Mac 2024** (“Tempoh Kempen”).

### Kelayakan

2. Kempen ini hanya terbuka kepada permohonan baharu Produk AmMetLife i.Am Wealth Achiever yang memenuhi Terma dan Syarat yang termaktub selepas ini.
3. Polisi mesti berkuatkuasa dan tiada tunggakan premium semasa pemberian ganjaran. Jika terdapat sebarang premium tertunggak sebelum pemberian ganjaran, kelayakan polisi akan terbatal untuk Kempen ini.
4. Premium mesti dibayar dalam mod pembayaran premium tahunan, setengah tahunan atau suku tahunan sahaja.

### Tawaran Kempen

5. Tertakluk kepada Terma dan Syarat yang termaktub selepas ini, Pelanggan akan diberikan Ganjaran dan Ganjaran Tambahan berdasarkan kriteria di bawah:

Tahap	Premium Tahunan	Ganjaran	Ganjaran Tambahan (dengan Premium Pendahuluan)
Tahap 1	RM25,000 sehingga RM49,999	1-gram Bar Emas (bernilai RM425)	RM300 Ganjaran Tunai
Tahap 2	RM50,000 sehingga RM99,999	3-gram Bar Emas (bernilai RM1,125)	RM1,000 Ganjaran Tunai
Tahap 3	RM100,000 dan ke atas	6-gram Bar Emas (2 unit 3-gram Bar Emas) (bernilai RM2,250)	RM3,000 Ganjaran Tunai

AmMetLife Insurance Berhad (197301002252)

Head Office : Level 24, Menara 1 Sentrum, No. 201, Jalan Tun Sambanthan, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia

+603 2271 8000 ammetlife.com

Postal Address : GPO Box 10956, 50730 Kuala Lumpur

Customer Care : 1300 88 8800 +603 2272 3226

customer@ammmlife.com

Contoh:

A) Dengan Premium Pendahuluan

Adrian membeli **i.Am Wealth Achiever** dengan premium tahunan RM50,000. Adrian akan menerima Ganjaran 3-gram Bar Emas. Selain itu, Adrian memilih Premium Pendahuluan dengan jumlah keseluruhan RM200,000, Adrian akan menerima Ganjaran Tambahan berbentuk RM1,000 Ganjaran Tunai.

B) Tanpa Premium Pendahuluan

Arena membeli **i.Am Wealth Achiever** dengan premium tahunan RM100,000 tanpa memilih Premium Pendahuluan. Arena akan menerima Ganjaran 6-gram Bar Emas yang terdiri daripada 2 unit 3-gram Bar Emas.

Pelanggan layak menerima satu (1) Ganjaran atau satu (1) Ganjaran berserta satu (1) Ganjaran Tambahan dengan syarat:

- i. Borang (-borang) cadangan yang lengkap dan pembayaran diterima dalam Tempoh Kempen selewat lewatnya pada 31 Mac 2024 dan seterusnya diluluskan oleh AmMetLife sebelum 15 April 2024; dan
  - ii. Polisi (-polisi) melepasi 15 hari tempoh bertenang.
6. Setiap polisi baharu yang diluluskan oleh AmMetLife hanya layak untuk satu (1) Ganjaran atau satu (1) Ganjaran berserta satu (1) Ganjaran Tambahan. Pelanggan boleh membeli pelbagai polisi daripada AmMetLife, namun setiap Diri yang Diinsuranskan hanya layak menerima maksimum satu (1) Ganjaran atau satu (1) Ganjaran berserta satu (1) Ganjaran Tambahan sahaja, yang mana dengan nilai yang tertinggi.
  7. Pilihan Premium Pendahuluan: Premium pendahuluan akan dikutip semasa bayaran premium tahun polisi pertama. Premium pendahuluan adalah bayaran premium untuk tempoh empat (4) tahun. **Sebarang pengeluaran separa daripada premium pendahuluan dalam tempoh ini adalah tidak dibenarkan.**
  8. Tawaran kempen tidak sah digabungkan dengan mana-mana tawaran/promosi lain yang sedang berlangsung.
  9. Jika terdapat sebarang pindaan selepas polisi berkuatkuasa, Ganjaran dan Ganjaran Tambahan akan berdasarkan Premium Tahunan yang lebih rendah.
  10. AmMetLife berhak untuk menarik balik Ganjaran dan Ganjaran Tambahan, menolak jumlah bersamaan dengan Ganjaran dan Ganjaran Tambahan daripada Premium yang dipulangkan atau meminta Pelanggan membayar balik atau membayar pampasan nilai Ganjaran dan Ganjaran Tambahan kepada AmMetLife jika Pelanggan membatalkan polisi/polisinya dengan AmMetLife.
  11. Pemberian Ganjaran dan Ganjaran Tambahan akan dibuat selepas selesai premium tahun pertama tertakluk kepada mod pembayaran seperti di bawah:
    - a) Mod pembayaran tahunan: Ganjaran akan dihantar kepada alamat surat menyurat Pelanggan dan Ganjaran Tambahan (jika ada) akan dikreditkan sebelum 30 November 2024.
    - b) Mod pembayaran suku tahunan dan setengah tahunan: Ganjaran akan dihantar kepada alamat surat menyurat Pelanggan dan Ganjaran Tambahan (jika ada) akan dikreditkan sebelum 31 Mac 2025.

Pemberitahuan SMS akan dihantar kepada Pelanggan mengikut garis masa pemberian yang dinyatakan di atas:

- i. Penghantaran Ganjaran kepada alamat surat menyurat Pelanggan; dan
  - ii. Pembayaran Ganjaran Tambahan (jika ada), ke dalam akaun bank mereka. Sila ambil maklum proses pembayaran boleh mengambil masa sehingga tujuh (7) hari bekerja.
12. Pelanggan bertanggungjawab memberikan alamat surat-menyurat yang tepat dan butiran hubungan seperti yang ditetapkan dalam borang cadangan. Pelanggan seterusnya bersetuju bahawa pemberian Ganjaran oleh AmMetLife kepada alamat surat-menyurat Pelanggan yang dinyatakan dalam borang cadangan akan dianggap sebagai pemberian yang telah dilengkapkan, dan AmMetLife akan dilepaskan sepenuhnya daripada liabiliti dan tuntutan selanjutnya berhubung dengan Ganjaran tersebut.
  13. Sebagai tambahan, Pelanggan juga adalah bertanggungjawab untuk memberikan akaun bank yang tepat di dalam borang cadangan. Pelanggan seterusnya bersetuju bahawa sebarang pembayaran oleh AmMetLife kepada butiran akaun yang diberikan oleh Pelanggan dalam borang cadangan, akan dianggap sebagai bayaran penuh dan AmMetLife akan dilepaskan sepenuhnya daripada liabiliti dan tuntutan selanjutnya berhubung dengan pembayaran tersebut.
  14. Sebarang permintaan untuk Ganjaran dan Ganjaran Tambahan untuk dipindahkan kepada pihak ketiga tidak akan dilayan.
  15. AmMetLife boleh menolak kelayakan Ganjaran dan Ganjaran Tambahan sekiranya mana-mana terma dan syarat Kempen ini tidak dipenuhi.
  16. AmMetLife mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan secara khusus di sini, secara keseluruhan atau dalam mana-mana bahagian dari semasa ke semasa termasuk untuk mengubah Tempoh Kempen sebagaimana yang difikirkannya perlu dan sesuai dengan notis melalui laman web atau notis rasmi AmMetLife di cawangan AmMetLife.
  17. AmMetLife mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan, yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang salah laku, penipuan atau perbuatan salah berkaitan Kempen ini dan/atau terhadap AmMetLife, daripada menerima Ganjaran. Keputusan AmMetLife adalah muktamad dan AmMetLife tidak akan melayan sebarang permintaan untuk menyemak semula kes yang hilang kelayakan.
  18. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan dan/atau mana-mana pihak yang berkaitan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan bersetuju untuk membenarkan data peribadi Pelanggan dikumpul, diproses dan digunakan oleh AmMetLife menurut Notis Privasi AmMetLife yang boleh didapati di laman web rasmi AmMetLife di [www.ammethlife.com/privacy-policy/](http://www.ammethlife.com/privacy-policy/).
  19. AmMetLife tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa keingkaran yang berkaitan dengan Kempen ini atas sebab-sebab sebarang tindakan Tuhan, peperangan, rusuhan, mogok, penguncian, tindakan perindustrian, api, banjir, kemarau, ribut, wabak virus, kegagalan teknikal atau sistem atau apa-apa peristiwa di luar kawalan AmMetLife yang munasabah.
  20. Terma dan Syarat ini tertakluk kepada dan digubal di bawah undang-undang Malaysia.



21. Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas yang berkaitan dengan Kempen, Pelanggan boleh merujuk kepada wakil jualan bank kami atau pergi ke cawangan AmMetLife terdekat atau bercakap dengan Khidmat Pelanggan kami di 1300 88 8800 atau email kami di [customercare@ammetlife.com](mailto:customercare@ammetlife.com).

*Dikemaskini pada 1 Mac 2024.*

**AmMetLife Insurance Berhad** (197301002252)

**Head Office** : Level 24, Menara 1 Sentrum, No. 201, Jalan Tun Sambanthan, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia

 +603 2271 8000  [ammetlife.com](http://ammetlife.com)

**Postal Address** : GPO Box 10956, 50730 Kuala Lumpur

**Customer Care:**  1300 88 8800

 +603 2272 3226

 [customercare@ammetlife.com](mailto:customercare@ammetlife.com)